



SIARAN MEDIA

50 SYARIKAT TERIMA ANUGERAH ENTERPRISE 50 2019

Kuala Lumpur, 21 November 2019 – Sebanyak 50 syarikat PKS yang berprestasi terbaik bakal diumumkan sebagai penerima Anugerah Enterpris 50 (E50) bagi tahun 2019. Program E50 adalah anjuran SME Corp. Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Deloitte Malaysia. Para penerima anugerah akan diraikan di dalam satu Majlis Makan Malam Anugerah E50 yang akan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan pada malam ini.

Daripada 50 syarikat yang telah terpilih sebagai pemenang Anugerah E50 pada tahun ini, 10 pemenang utama telah diumumkan oleh Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Encik Yee Wing Peng, Ketua Pegawai Eksekutif Deloitte Malaysia pada satu sidang media khas Anugerah E50 pagi ini. Hanya syarikat dengan penarafan 4 dan 5 bintang di bawah Penilaian Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (SCORE) telah dijemput untuk menghantar pencalonan, yang mana hanya 50 syarikat terbaik yang dinilai oleh Deloitte dan ahli panel profesional akan menerima anugerah ini. Semua syarikat ini telah melalui proses penilaian yang ketat, berdasarkan pelbagai parameter, antaranya termasuk proses pengurusan; inovasi; strategi pasaran; penggunaan teknologi; hasil eksport; pelaburan modal latihan dan penyelidikan; serta adaptasi digitalisasi dalam syarikat masing-masing.

Pada tahun ini buat julung kalinya menyaksikan tema digitalisasi dipilih sebagai salah satu kriteria penilaian yang memberikan markah bonus kepada syarikat yang menerapkan elemen tersebut. Tema ini dipilih selaras dengan hasrat Kerajaan bagi

menggalakkan pendigitalan di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus kekal relevan dalam industri.

“Sumbangan PKS kepada ekonomi negara pada tahun lalu adalah satu pencapaian luar biasa dan berhak mendapat pengiktirafan yang amat besar. Pihak kami berasa bangga bahawa program Anugerah E50 secara berterusan telah memainkan peranan yang signifikan dalam memberi pengiktirafan kepada PKS dalam pembangunan prestasinya, pencapaiannya, peranannya dan potensinya dalam kemajuan negara masa depan,” jelas Yee Wing Peng, Ketua Pegawai Eksekutif Deloitte Malaysia.

“Deloitte Malaysia juga amat berbesar hati kerana berkemampuan menyediakan sumber dan analisis bagi menyelaraskan dan mempermudah pelaksanaan penilaian program ini. Kami berasa teruja untuk terus memainkan peranan menjalinkan semangat keusahawanan di kalangan PKS di Malaysia.” tambah Yee.

Bermula pada tahun ini juga, sebagai nilai tambah kepada penganjuran Anugerah E50 yang ke-21 semenjak ia mula diperkenalkan pada tahun 1997, kesemua penerima Anugerah E50 2019 akan menerima laporan kemajuan syarikat yang telah disediakan oleh Deloitte Malaysia. Laporan ini akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan syarikat dan boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi penambahbaikan di masa akan datang. Sepuluh (10) penerima utama Anugerah E50 pada tahun ini adalah Alypz Sdn. Bhd., Asia Food & Beverage Sdn. Bhd., EPE Switchgear (M) Sdn. Bhd., Fusipim Sdn. Bhd., Ideal Healthcare Sdn. Bhd., IForte Intelligence Sdn. Bhd., Maxwell Pharma Sdn. Bhd., My CO2 (KL) Sdn. Bhd., Prof. Muhaya Eye and Lasik Centre Sdn. Bhd. dan Velson Packagings Sdn. Bhd.

Program Anugerah E50 adalah hasil kerjasama awam-swasta di antara SME Corp. Malaysia, Deloitte Malaysia dan rakan strategik seperti SME Bank, Unifi, RHB Bank dan MIDF serta media rasmi The New Straits Times dan Malaysia SME. Selain mengiktiraf PKS terbaik di Malaysia, anugerah berprestij ini menyediakan platform yang dapat memupuk semangat keusahawanan dan menggalakkan PKS memacu kecemerlangan, di samping bersaing untuk mendapat pengiktirafan yang mampu melonjakkan status perniagaan mereka.

Sehingga kini, sebanyak 2,139 syarikat telah tercalon untuk anugerah ini di mana 732 daripadanya telah terpilih sebagai penerima anugerah sejak tahun 1997. Daripada kelompok penerima anugerah ini, sebanyak 67 syarikat telah tersenarai di dalam Bursa Malaysia dengan 53 di Papan Utama dan 14 di dalam Pasaran ACE. Dengan pertambahan penerima anugerah dari tahun ke tahun, SME Corp. Malaysia secara eksklusifnya akan memperkenalkan Kelab E50, di mana ahlinya terdiri daripada alumni penerima Anugerah E50. Kelab E50 ini menawarkan pelbagai faedah yang akan menumpukan kepada jalinan rangkaian perniagaan, pepadanan perniagaan dan akses modal.

Sama seperti edisi Anugerah E50 pada tahun lepas, Anugerah Usahawan Wanita E50 diteruskan bagi mengiktiraf PKS milikan wanita yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam sistem pengurusan dan perkembangan syarikat secara keseluruhan. Sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2016, anugerah ini mengiktiraf kejayaan dan keupayaan usahawan wanita untuk dijadikan sebagai usahawan contoh dan menjadi sumber inspirasi kepada usahawan wanita yang lain untuk terus cemerlang di dalam bidang perniagaan. Tahun ini sebanyak 11 syarikat milikan wanita telah terpilih di antara penerima Anugerah E50, di mana terdapat peningkatan sebanyak 14% daripada tahun terdahulu.

Di antara tetamu kehormat yang akan turut hadir pada Majlis Makan Malam Anugerah E50 ialah YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED); Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi, SME Corp. Malaysia dan Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Nor Azian Md Yusof dan Puan Amy Sarah Ahmad Fuad di talian 03-2775 6174 / 6352 atau emel – azian@smecorp.gov.my / amysarah@smecorp.gov.my

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

DELLOITE MALAYSIA

Deloitte refers to one or more of Deloitte Touche Tohmatsu Limited (“DTTL”), its global network of member firms, and their related entities. DTTL (also referred to as “Deloitte Global”) and each of its member firms and their affiliated entities are legally separate and independent entities. DTTL does not provide services to clients. Please see www.deloitte.com/about to learn more.

Deloitte is a leading global provider of audit and assurance, consulting, financial advisory, risk advisory, tax & legal and related services. Our global network of member firms and related entities in more than 150 countries and territories (collectively, the “Deloitte organisation”) serves four out of five Fortune Global 500® companies. Learn how Deloitte’s approximately 312,000 people make an impact that matters at www.deloitte.com.

Deloitte Asia Pacific Limited is a company limited by guarantee and a member firm of DTTL. Members of Deloitte Asia Pacific Limited and their related entities, each of which are separate and independent legal entities, provide services from more than 100 cities across the region, including Auckland, Bangkok, Beijing, Hanoi, Ho Chi Minh City, Hong Kong, Jakarta, Kuala Lumpur, Manila, Melbourne, Osaka, Shanghai, Singapore, Sydney, Taipei, Tokyo and Yangon.

About Deloitte Malaysia

In Malaysia, services are provided by Deloitte PLT (LLP0010145-LCA) (AF0080), a limited liability partnership established under Malaysian law, and its affiliates.